

[ISLAMIC RESPONSE TO WESTERN RELIGIOUS IDEOLOGIES: PLURALISM AND NEGATIVE THEOLOGY]

TANTANGAN ISLAM TERHADAP IDEOLOGI AGAMA BARAT: PLURALISME DAN TEOLOGI NEGATIF

Abdul Quddus Hashim
abdulquddusukm@gmail.com
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohd Haidhar Kamarzaman
haidhar@ukm.edu.my (Corresponding Author)
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abdull Rahman Mahmood
abrm@ukm.edu.my
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Pemikiran Barat kini membawa ideologi agama melalui pluralisme dan dekonstruksi falsafah. Pluralisme agama menolak kebenaran mutlak dengan menganggap semua agama sebagai sebanding, manakala dekonstruksi falsafah merombak makna agama dengan menolak makna tunggal tentang agama dan Tuhan. Sebagai respons, Islam menegaskan bahawa kebenaran agama adalah satu berasaskan wahyu dan akal tanpa percanggahan di antara kedua-duanya. Begitu juga secara akal tidak ada makna beragama dengan menafikan agama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, metode analisis kandungan dan analisis perbandingan terhadap ideologi falsafah Barat dan penghujahan Islam dengan merujuk kepada karya utama tokoh-tokoh falsafah Barat dan sarjana Islam. Pendekatan perbandingan turut digunakan untuk menilai perbezaan penghujahan antara kedua-dua perspektif. Hasil kajian menunjukkan bahawa Islam mempunyai asas yang disandarkan kepada wahyu mempunyai signifikan dalam menunjukkan kebenaran. Di samping rasional yang kukuh dalam mempertahankan keabsahan agama sebagai benar, mutlak dan objektif.

Kata kunci: pluralisme agama; dekonstruksi ketuhanan; Islam; epistemologi agama

Abstract

Western thought today introduces religious ideology through pluralism and philosophical deconstruction. Religious pluralism rejects absolute truth by considering all religions as equally valid, while philosophical deconstruction dismantles the meaning of religion by denying a singular interpretation of religion and God. In response, Islam asserts that religious truth is singular, based on revelation and reason, without contradiction between the two. Logically, too, there is no meaningful sense of being religious while denying religion itself. This study adopts a qualitative approach, employing content analysis and comparative analysis methods to examine Western philosophical ideologies and Islamic arguments by referring to the key works of Western philosophers and Islamic scholars. A comparative approach is also used to evaluate the differences in reasoning between the two perspectives. The findings show that Islam, with its foundation in revelation, holds significant weight in affirming truth. It also presents strong rational justifications in defending the legitimacy of religion as true, absolute, and objective.

Keywords: religious pluralism; deconstruction of divinity; Islam; epistemology of religion

Article Received:
15 July 2025

Article Reviewed:
28 November 2025

Article Published:
5 December 2025

PENGENALAN

Para ahli sosiologi dan antropologi melihat agama dari sudut fungsinya. Mereka memahami bahawa agama merupakan suatu sistem kehidupan yang mengikat manusia dalam kelompok sosial (Nurcholish, 2008). Manakala menurut Mircea Eliade (1959, 78) menyatakan kebanyakan pakar teologi, fenomenologi dan sejarah agama melihat agama dari aspek ajarannya yang sangat asas, iaitu sesuatu yang suci (the sacred).

Berdasarkan pandangan tersebut dapat difahami secara am kebanyakan insan berpegang dengan agama dan akidah yang pelbagai yang terbentuk daripada kefahaman dan keyakinan individu. Namun demikian, berbeza dengan pemikiran Barat kini yang membawa ideologi untuk meruntuhkan kefahaman dan pegangan ini. Sebahagian daripada mereka mengakui bahawa segala kefahaman dan makna dalam agama yang dianuti oleh manusia adalah batil. Manakala ideologi yang lain adalah tiada satu agama yang dikatakan benar berbanding dengan agama-agama yang lain (al-Makāwī, 2020). Kedua-dua pernyataan ini hasil daripada pluralisme dan dekonstruksi agama dan ketuhanan.

Pluralisme dalam pemikiran kontemporari memulakan langkah ke zaman pasca metafizik. Pemikiran ini tidak memberi keprihatinan dalam isu metafizik dan epistemologi tradisional. Ia lebih terfokus kepada kepelbagaian amalan sosial, peranan bahasa, wacana, dan naratif dalam pluralistik urusan manusia (Robert Audi, 1999). Mohd Nasir (2019, 62) menyatakan bahawa aliran Pluralisme berkembang dan digunakan pada era pasca moden berdasarkan ciri-ciri asas pasca modenisme yang menggunakan pendekatan dekonstruksi meta naratif dan menafikan adanya kebenaran. Ia telah memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan Pluralisme dalam agama.

Dekonstruksionalisme telah diperkenalkan oleh tokoh pasca modenisme iaitu Jacques Derrida (1930-2004) melalui bukunya yang bertajuk *The Truth in Painting of 1978*. Istilah ini beliau gunakan dalam usaha melakukan pembongkaran terhadap sesuatu perkara yang dikatakan benar sama ada ia terkandung dalam ucapan, tulisan dan teks. Menurut beliau tulisan adalah alternatif kepada ucapan. Ia dapat dijadikan sebuah permainan bebas dan terdapat unsur-unsur tertentu dalam bahasa. Selain itu ia juga boleh dijadikan komunikasi kepada pihak lain untuk memahami perkara yang bakal disampaikan (Bunnin & Yu, 2004). Dalam agama pendekatan beliau digunakan untuk meruntuhkan makna agama yang difahami oleh kebanyakan orang.

KONSEP DAN DEFINISI AGAMA

Pemikiran Barat kini khususnya pasca modenisme memberi penilaian terhadap definisi agama sebagai wacana pemikiran yang menimbulkan perdebatan dan polemik yang tidak menemui titik persamaan. Perbincangannya amat meluas dari aspek ilmu falsafah, akidah, sosiologi, antropologi ataupun dalam bidang perbandingan Agama sendiri. Pergeseran yang berlaku menjadi kesukaran untuk mendefinisikan agama yang boleh diterima dan disepakati oleh semua masyarakat. Hal inilah yang menyebabkan terdapat sebahagian pemikir yang berpandangan bahawa perkataan agama tidak mungkin didefinisikan (Dwick, 1953).

Penyataan Wilfred Cantwell Smitt yang merupakan seorang sarjana perbandingan agama yang mengatakan bahawa terminologi agama sukar untuk didefinisikan (*the term is notoriously indefinable*). Hujah beliau adalah beberapa dasawarsa terakhir ini terdapat pelbagai definisi yang mengelirukan untuk diterima secara luas. Oleh kerana itu istilah ini harus dibuang dan ditinggalkan

untuk selamanya (Smith, 1978). Pandangan ini menjadi acuan kepada keruntuhan kepada makna agama atau perkataan agama tidak difahami maknanya.

Selain itu, John Hick seorang tokoh pluralisme agama membawa pernyataan yang mempunyai keselarian dengan ideologi agama pasca modenisme. Beliau membawa tiga definisi agama: Pertama, pengiktirafan manusia terhadap kuasa luar biasa yang dinamakan keperibadian Tuhan sebagai pengawal atau dikenali dengan Tuhan yang berhak disembah dan ditaati. Kedua, perasaan dan pengalaman seseorang individu yang menyendiri untuk memahami hubungan dengan apa sahaja yang boleh dianggap Tuhan. Ketiga, pengakuan bahawa segala sesuatu adalah manifestasi kekuasaan yang melampaui pengetahuan manusia atau tindak balas manusia terhadap Ilahi (Hick, 1990). Daripada dua pandangan ini telah melahirkan dua ideologi agama iaitu menolak makna agama dan menerima secara kolektif makna agama dan digunakan secara menyeluruh dalam memahami kesemua agama.

Manakala Islam melihat agama yang hakiki dibina melalui ilmu yang berakar daripada wahyu dan akal. Hal ini penting kerana agama memberi manusia kefahaman yang mendalam tentang kewujudan Tuhan, alam dan manusia. Agama juga menetapkan prinsip-prinsip yang bersifat teras (akidah) dan ranting (fiqh) kepada manusia untuk melaksanakan kewajipan mereka (Fūdah, 2023).

Maksud agama dari sudut bahasa adalah kepatuhan dan kerendahan diri iaitu ketaatan (Fūdah, 2023). Agama diterjemahkan dengan kerajaan, kebesaran dan kerendahan, paksaan, ihsan, kebiasaan, ibadah, khuduk dan lain-lain yang membawa kepada maksud ibadah kepada Allah (Wazār, t.th.).

- i. Agama melengkapi kehidupan dengan akidah, amalan individu dan kemasyarakatan untuk kehidupan dunia dan akhirat.
- ii. Agama adalah selari dengan akal. Dalam islam tidak terdapat sesuatu yang bertentangan dengan akal.
- iii. Agama sudah ada sebelum diciptakan manusia kerana ia adalah daripada Allah.
- iv. Agama yang diiktiraf adalah agama yang diturunkan oleh Allah dari langit kepada para nabi. Kenabian adalah sebahagian kerangka agama. Ia adalah pembantu untuk menguatkan agama (Fūdah, 2023).

Al-Jurjānī (t.th.) menjelaskan makna agama adalah penetapan atau peraturan daripada Allah dalam seruan kepada orang-orang yang berakal untuk menerima apa yang ada pada Rasulullah s.a.w. Pernyataan ini menunjukkan terdapat beberapa perkara penting dalam pembentukan agama iaitu ketetapan dan peraturan Allah diberikan kepada orang yang mempunyai keupayaan berfikir dan mengikuti apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. ketiga-tiga kerangka ini penting dan tiada dalam pemikiran falsafah Barat.

IDEOLOGI PLURALISME AGAMA

Barat kini membawa pendekatan pluralisme agama berdasarkan beberapa hujah. Kenyataan ini dapat difahami berdasarkan pandangan John Hick yang cuba mengolah dan membawa doktrin bahawa kesemua agama mempunyai persamaan dan tiada yang boleh dibandingkan antara suatu agama dengan agama yang lain.

Hick (1985) menegaskan bahawa:

Pluralism is the view that the great world faiths embody different perceptions and conceptions of, and correspondingly different responses to, the Real or the Ultimate from within the major variant cultural ways of being human; and that within each of them the transformation of human existence from self-centredness to reality centredness is manifestly taking place-and taking place, so far as human observation can tell, to much the same extent.

Agama besar di dunia memberi pandangan pelbagai dan berbeza dengan konsep Realiti Tertinggi berdasarkan budaya dan tatacara kehidupan yang berbeza. Namun mempunyai objektif yang sama untuk mengubah manusia menjadi lebih baik. Perubahan yang berlaku daripada berpusat kepada diri sendiri kepada Realiti Tertinggi.

Seterusnya pada tempat yang lain pula, John Hick (1990) merumuskan pendapat beliau tentang persepsi dan respons yang berbagai-bagai terhadap Tuhan yang sama oleh pelbagai agama di dunia termasuk Islam, Kristian, Yahudi, Hindu, Buddha dan lain-lain sebagai berikut:

Thus it is a possible, and indeed an attractive, hypothesis - as an alternative to total skepticism - that the great religious traditions of the world represent different human perceptions of and response to the same infinite Divine Reality

Pandangan terhadap agama berlaku dalam bentuk andaian berdasarkan skeptisisme terhadap kebenaran mutlak. Walaupun perbezaan berlaku pada pandangan terhadap ketuhanan namun ia menuju kepada destinasi yang sama.

i. Pengalaman Agama:

Agama difahami dan dipercayai berdasarkan pengalaman keagamaan. Pengalaman keagamaan berlaku kepada setiap individu sama ada Kristian, Yahudi, Islam, Hindu, Buddha dan agama-agama seumpamanya. Kesemua agama akan menggunakan istilah Ilahi atau transenden kepada kesemua Tuhan sehingga tidak ada Tuhan berbentuk individual. Perbezaan agama yang menetapkan ada agama benar dan palsu merupakan pandangan yang terkeluar daripada pengalaman beragama. Ia sebenar telah terkesan daripada sikap Skeptisisme Moden yang ekstrim sehingga menolak kognitif pengalaman keagamaan secara umum (Hick, 1990). Interaksi pelbagai agama telah membentuk budaya dan pemikiran yang variasi. Perbezaan agama Buddha dan Kristian adalah pada membayangkan ketuhanan dalam diri mereka. Pada dunia kini semua agama mempunyai interaksi dialog bersama yang akan mengubah persepsi agama sehingga membina toleransi bersama dan tidak ada perbezaan di antara pengalaman beragama. Persamaan agama terbentuk menjadikan agama tidak akan pupus walaupun berlaku serangan Sekularisasi sejagat (Hick, 1990).

ii. Agama Adalah Relatif:

Pemikiran Pluralisme adalah dilihat dari kaca mata Relativisme yang menilai segalanya adalah relatif dan tertakluk kepada konteks relevan sahaja. Justeru sesuatu perkara yang dinilai baik oleh sesuatu golongan kemungkinan dipandang sebaliknya oleh golongan yang lain. John Hick telah mengaplikasi kefahaman Relativisme terhadap falsafah Pluralisme agama dengan menyebut setiap agama atau tradisi mengungkapkan Tuhan atau kebenaran mutlak dalam pelbagai perkataan seperti Trinitas untuk agama Kristian, Yahweh untuk Yahudi, Brahman untuk agama Hindu dan Dharmakaya untuk agama Buddha (Hick, 1989).

iii. Penafian Mukjizat:

Permasalahan yang ditimbulkan adalah hasil daripada sikap skeptikal yang mendalam. Ia membawa kemungkinan tiada suatu agama yang boleh dianggap benar. John Hick mengambil pandangan daripada David Hume yang menyatakan agama-agama Rom purba daripada Turki, Siam dan China mustahil ia didirikan daripada asas yang sama. Walaupun agama dibuktikan dengan mukjizat namun demikian, mukjizat merupakan berita-berita pembohongan yang dilakukan oleh mana-mana agama untuk menubuhkan agama tersebut. Justeru agama yang terbina akan mempercayai agama selainnya adalah palsu (Hick, 1990).

iv. Kepelbagaian Nama Tuhan:

John Hick melihat Pluralisme agama berdasarkan faktor sejarah yang telah menunjukkan manusia hidup dengan pelbagai agama. Manusia diumpamakan sebagai haiwan secara semula jadi beragama. Kenyataan ini dinyatakan dengan membawa hujah bahawa semua manusia mempercayai terdapat objek suci yang mempunyai semangat positif. Realiti ketuhanan mempunyai kuasa separa haiwan yang telah membawa manusia bergabung sehingga membentuk kumpulan-kumpulan yang lebih besar. Kemudian nama-nama Dewa atau Tuhan disenaraikan seperti di Timur Tengah, oleh negara besar Tuhan-tuhan seperti Ishtar Sumeria, Amon dari Thebes, Yahweh dari Israel, Marduk Babilon, Zeus Yunani, dan di India oleh Tuhan-tuhan tinggi Veda seperti Dyaus (Dewa langit), Varuna (Dewa syurga), dan Agni (Dewa api) (Hick, 1990). Tradisi keagamaan mempunyai konsep yang berbeza apabila menyatakan hubungan manusia dengan Tuhan. Sifat ketuhanan yang mempunyai percanggahan yang melampaui pemikiran manusia dan bahasa seperti konsep agama Buddha Nirguna Brahma yang tidak mampu difahami oleh manusia dan Nirguna Brahma yang difahami oleh pemikiran manusia. Begitu juga konsep ketuhanan Barat yang mempunyai Tuhan yang Maha Esa dan Tuhan Pencipta. Manakala dalam konsep Islam kesufian pula membawa dua nama Tuhan yang Haq dan Tuhan Yang Sebenarnya. Perpecahan konsep ketuhanan kepada dua menjadikan perbezaan yang serupa. Jika dianggap Tuhan yang nyata Esa tetapi pada perspektif manusia Dia merupakan majmuk (Hick, 1990).

v. Agama Dilihat melalui Geografi:

Menurut Byrne (1995), semua agama/tradisi dianggap setara dalam merujuk kepada Tuhan/Kebenaran Mutlak (God/The Absolute Truth). Hal ini berarti seseorang mungkin mengikuti agama tertentu berdasarkan faktor geografi kelahiran. Disebabkan perkara tersebut, seseorang itu mungkin menganut agama Hindu kerana dia dilahirkan di India, mungkin juga Islam sekiranya dilahirkan di Mesir, mungkin juga menganut agama Buddha sekiranya dilahirkan di Sri Lanka, dan mungkin juga Kristian sekiranya dilahirkan di England (Hick, 1990).

vi. Agama Tidak Boleh Menilai Agama Lain:

Setiap agama mempunyai pemahaman yang terbatas tentang Tuhan atau Kebenaran Mutlak. Oleh kerana itu, tidak ada agama yang berhak menafikan agama lain atau mengklaim kebenaran yang mutlak. Smith (1989) menyatakan bahawa teologi Islam tidak sepatutnya digunakan untuk menilai agama Hindu atau agama-agama lain. Hick (1988) juga berpendapat bahawa individu perlu membebaskan diri dari kerangka agama mereka untuk menilai agama lain. Selain itu, Knitter (1985) menegaskan bahawa tidak ada teologi agama yang sempurna dan berhak membuat penilaian terhadap agama-agama lain.

TEOLOGI NEGATIF DALAM PEMIKIRAN PASCA MODENISME

Konsep beragama berdasarkan teologi negatif yang mempunyai perbezaan dengan pandangan Pluralisme John Hick. Seorang tokoh pasca modenisme iaitu Derrida menyatakan pandangan Relativisme telah menolak pegangan penganut Ortodoks dan kebanyakan Fundamentalisme sehingga beliau menganalisis kembali sikap teologi terdahulu. Beliau menggunakan metodologi dekonstruksi untuk menafikan makna tunggal, selamat dalam mana-mana teks. Hasilnya teori beliau telah dipanggil sebagai ahli teologi negatif. Teologi begini menjadikan seseorang tidak menghiraukan tentang Tuhan sama ada menafikan kewujudan Tuhan atau menetapkan kewujudan-Nya (Armstrong, 2009).

Istilah teologi negatif adalah berasal daripada penulisan Pseudo-Dionysius bertajuk *De Mystica Theologia* iaitu ahli falsafah dan ahli teologi pada abad ke-5 dan awal abad ke-6 sebelum era Kristian. Dalam karya tersebut beliau membezakan teori katafatik (positif) dan teologi apofatik (negatif) (Geest, 2011). Panggilan Tuhan merupakan istilah yang sering digunakan pada masa

lalu untuk menetapkan had dan batasan kepada pemikiran dan usaha manusia. Sedangkan bagi ahli falsafah pasca modenisme manusia berada pada keinginan yang melampaui dan hakikat sesuatu perkara tidak dapat ditentukan (Armstrong, 2009).

Pemikiran teologi negatif digunapakai oleh beberapa tokoh pemikir pasca modenisme dalam agama. Pemikiran begini menandakan bahawa mereka bukan ahli teologi tetapi ahli falsafah. Penafian terhadap agama bermula pada tahun 1960-an daripada gerakan kematian Tuhan. Seterusnya wacana ketuhanan berubah kepada Tuhan yang banyak. Mereka cuba untuk mencabar projek Sekularisme yang telah dibentuk pada era Moden sehingga mereka digelar sebagai pasca sekular. Justeru mereka cuba menghidupkan agama daripada pemikiran Derrida yang berbeza dengan kefahaman dan pembawakan pemikiran Modenisme (Armstrong, 2009).

Face to face with the other within a glance and a speech which both maintain distance and interrupt all totalities, this being-together as separation precedes or exceeds society, collectivity, community. Levinas calls it religion. It opens ethics. The ethical relation is a religious relation (*Difficile liberté* [hereafter DL]). Not a religion, but the religion, the religiosity of the religious

(Derrida, 119)

Tanggapan Derrida berkaitan dengan perbezaan (*difference*) adalah sebahagian daripada projek dekonstruksionalismenya untuk membongkar premis ontologi teologi negatif. Derrida meruntuhkan struktur metafizik dan semiotik Barat. Beliau menolak tanggapan bahawa bahasa atau tanda yang digunakan dalam pertuturan dan penulisan mempunyai makna yang ideal. Tanda tidak boleh merujuk kepada perkara atau kajian kerana terdapat perubahan yang berterusan pada makna dalam makna. Bahasa hanya berfungsi sebagai sistem perbezaan di mana satu perkataan istilah atau frasa hanya ditakrifkan kaitannya oleh orang lain (Shakespeare, 2009).

Derrida menyatakan bahawa penafian kewujudan Tuhan adalah melalui bahasa namun ia bukan menafikan secara realiti. Ini kerana kewujudan Tuhan tidak dapat difahami dengan bahasa dan akal yang mempunyai perbezaan dengan manusia (Derrida, 1997). Teologi negatif perlu difahami dengan membongkarkan makna rasionaliti kerana ia menjurus kepada konsep ketetapan pada ilmu, akal dan kebenaran (Derrida, 1997).

Makna ketuhanan dalam sistem lama perlu dibongkarkan kerana terikat dengan masa yang lampau dan menjadikan makna yang tidak utuh dan sentiasa berubah (Derrida, 1981). Teks berada dalam sistem makna tradisional (*Logos/ontoteologi*) iaitu ia dilihat sebagai sebahagian daripada struktur pemikiran yang tetap dan mutlak. Namun, teks juga mempunyai aspek luarannya yang tidak sepenuhnya terkawal oleh sistem ini yang bermaksud ia sentiasa terbuka kepada tafsiran baru dan tidak hanya terikat pada makna asal (Derrida, 1981).

Buku atau teks hanyalah representasi yang merujuk kepada realiti mutlak seperti alam semesta yang dianggap 'Buku Tuhan' dalam pemikiran teologi abad pertengahan. Teologi negatif menolak bahawa Tuhan boleh ditangkap sepenuhnya dalam bahasa atau konsep manusia kerana realiti-Nya melampaui kefahaman manusia. Derrida turut mengkritik metafizik kehadiran yang menegaskan bahawa apa yang dilihat dan fahami hanyalah refleksi bukan realiti mutlak (Derrida, 1981).

Selain itu menurut Ludwig Feuerbach (t.th.) dalam menjelaskan perihal agama sebagai medium sesuatu perkara dan manusia sebagai pentafsirnya bukan sesuatu yang datang dari Tuhan tetapi hasil pancaran pemikiran manusia tentang dirinya sendiri. Manusia membentuk konsep ketuhanan berdasarkan sifat-sifat yang mereka anggap sempurna. Apabila manusia menyembah Tuhan, sebenarnya mereka sedang mengagungkan sifat-sifat terbaik dalam diri mereka sendiri seperti kasih sayang, kebijaksanaan, dan keadilan. Ini menunjukkan bahawa Tuhan dalam agama sebenarnya adalah cerminan ideal sifat manusia

RESPONS ISLAM TERHADAP TANTANGAN PLURALISME

Agama-agama yang wujud melalui acuan manusia atau melalui pemikiran manusia adalah terpisah daripada ketuhanan (El-Muhammady, 2012). Justeru, pandangan manusia terhadap agama yang bukan daripada Tuhan telah membawa kepada anggapan bahawa semua agama adalah sama dan menolak metodologi dalam menilai kebenaran agama. Justeru penerimaan kepelbagaian agama diterima dengan memahami kesemua agama di atas landasan kebenaran dan menolak kebenaran yang satu (Fudah, 2022).

Menurut Fudah (2022) pendekatan Barat mengutamakan doktrin skeptikal dan teori Kantianisme terhadap ilmu dan pengetahuan berkaitan dengan realiti sebenar. Kesannya mereka tidak mampu membezakan di antara hakikat di luar fikiran dan apa yang ada dalam fikiran. Ia menjadikan setiap agama tidak mempunyai nilai kebenaran secara mutlak tetapi penilaiannya daripada pandangan individu setiap manusia. Beliau membawa perumpamaan dengan sebahagian manusia yang buta menyentuh seekor gajah. Hasil daripada sentuhan kepada partikal gajah telah menjadikan mereka menyatakan gajah dalam pelbagai premis.

Islam menetapkan sesuatu yang ditegah dan dibenarkan dalam kehidupan adalah berteraskan apa yang Allah hukumkan. Ia tidak boleh ditetapkan oleh orang lain walaupun seseorang itu mempunyai kedudukan yang tinggi dalam agama. Tidak ada sebarang hukum melainkan secara mutlak daripada Allah (Maydānī, 2009)

Kebenaran agama dibenarkan dengan mukjizat sebagai pembuktian kebenarannya. Namun berbeza dengan pluralisme agama yang menganggap bahawa mukjizat adalah khayalan dan berita dusta untuk membenarkan sesuatu agama. Secara am terdapat agama-agama berpegang dengan mukjizat dalam penghujahan yang kukuh sebagai pernyataan kebenaran agama. Agama Kristian mempunyai keselarian dengan agama Islam dalam menjelaskan kelahiran nabi Isa a.s sebagai menyalahi hukum adat iaitu kelahiran tanpa bapa. Agama Islam menegaskan kebenaran mukjizat tersebut adalah al-Quran (Fudah, 2022).

Begitu juga al-Quran bukan sekadar wahyu Ilahi dalam menyampaikan hukum hakam agama, ia juga merupakan mukjizat Rasulullah s.a.w. Dakwaan pihak Musyrik Mekah cuba membuat spekulasi berkaitan ayat-ayat merupakan kalam manusia bukan Kalamullah telah diruntuhkan dengan kekuatan bahasa, penceritaan sejarah, konsep sains dan pelbagai pernyataan dalam bentuk ilmiah yang tidak mampu dibawa oleh manusia walaupun mereka berpakat untuk menghasilkannya. Penolakan mukjizat daripada Barat kini dan pasca modenisme didasari daripada ketidakmampuan mereka menilai di antara hukum saintifik dengan hukum intelektual.

Fudah (2022) membawa premis mantik untuk menyatakan kesilapan mereka memahami mukjizat:

1. Pertama: Mukjizat merupakan sesuatu yang melanggar sistem alam.
2. Kedua: Sistem alam tidak boleh berubah.
3. Ketiga: Justeru mukjizat tidak berlaku.

Kesilapan dalam memahami berkaitan mukjizat adalah tidak boleh menerima sesuatu yang bertentangan dengan sistem alam. Kebenaran mukjizat dapat difahami dengan menetapkan kewujudan Allah sebagai keutamaan. Allah yang bersifat dengan wajib wujud dan mempunyai segala sifat kesempurnaan. Seterusnya alam sebagai mungkin wujud merupakan kewujudan yang boleh berubah (al-Būṭī, 2006). Justeru, disebabkan mungkin wujud, ia boleh menerima perubahan walaupun tidak mengikut sistem kebiasaan dan saintifik.

Sistem alam yang bergerak adalah melalui faktor sebab seperti kebakaran daripada penyebab api. Pada masa yang sama, kewujudan penyebab daripada musabab iaitu Allah. Justeru hakikat sebab tidak boleh berubah kepada musabab dan begitu juga perkara mungkin tidak boleh berubah kepada wajib. Menurut al-Būṭī (2006) apabila seseorang yang tidak menerima kewujudan Allah pada asasnya, ia akan menolak terhadap kewujudan mukjizat.

Ilmu Kalam membahagikan permasalahan ini kepada dua sudut pandang iaitu sistem intelektual dan sistem tabiat (alam semesta). Sistem ilmu berlaku sesuatu adalah kerana penyebab manakala sistem tabiat berlaku disebabkan penyebab tabiat. Oleh kerana mukjizat menyalahi hukum tabiat justeru ia tidak dikaitkan dengan tabiat. Jika ia mengikut tabiat, ia tidak dinamakan sebagai mukjizat (Fūdah, 2022).

Justeru sistem ilmu yang berkaitan dengan mukjizat adalah dengan pengetahuan berkaitan dengan Tuhan sebagai Pencipta alam. Tidaklah menjadi kemestian untuk Tuhan menciptakan alam dalam bentuk fenomena kebiasaan yang berlaku. Ia juga boleh berlaku dalam bentuk fenomena yang khusus berbeza dengan bentuk yang biasa berlaku. Justeru untuk memutuskan ikatan mukjizat dengan alam adalah dengan mematikan dan menafikan kewujudan Tuhan (Fūdah, 2022).

Isu-isu yang berkaitan dengan agama sering kali berpusat pada anggapan bahawa semua agama adalah sama. Pluralisme agama berasaskan pandangan bahawa terdapat pelbagai nama dan gelaran untuk Tuhan. Kepelbagaian nama ini dianggap melahirkan konsep kesamarataan terhadap Tuhan yang membawa kepada penolakan terhadap pandangan bahawa hanya ada satu agama dan Tuhan yang benar. Perbincangan mengenai isu ini bermula dengan pemisahan antara konsep zat dan nama. Bagi golongan pluralisme, pelbagai nama Tuhan dianggap mencerminkan zat Tuhan yang berbilang. Oleh itu, mereka menolak idea bahawa Tuhan yang esa dan agama yang satu adalah kebenaran mutlak.

Justeru penolakan terhadap pluralisme adalah dengan memahami berkaitan dengan nama-nama Allah. Seperti lafaz *al-Azīz* ia merupakan nama dan juga sifat-Nya. Justeru nama Allah adalah menunjukkan kepada zat dan sifat-Nya secara *muṭābaqah* iaitu keselarian antara nama dan sifat. Nama Allah dikenali sebagai *Asmā' al-Husnā*. *Al-Husnā* menunjukkan kepada sebaik-baik dan semulia-mulia nama. *Al-Rāzī* menyatakan bahawa nama-nama Allah yang banyak dibataskan kepada dua. Pertama Allah tidak memerlukan kepada yang lain. Kedua semua perkara selain Allah memerlukan kepada Allah (al-Khin & Mastū, 2006).

Nama mempunyai perbezaan dengan zat yang dinamakan. Nama menunjukkan kepada zat yang dinamakan bukan kepada menunjukkan semata-mata sebutan atau lafaz sahaja. Dalil daripada firman Allah (87,1):

Sucikanlah nama Tuhanmu yang Maha Tinggi Ayat ini menekankan supaya menyucikan nama Allah yang Maha Tinggi. Maksud kepada ayat ini adalah yang disucikan adalah Tuhan sendiri bukan sekadar lafaz nama-Nya.

Begitu juga Firman Allah (12, 40):

Apa yang kamu sembah selain daripada-Nya hanyalah nama-nama yang kamu dan nenek moyangmu buat-buat sendiri, yang tidak pernah diturunkan Allah hujah kebenarannya. Hak memerintah itu hanyalah milik Allah. Dia memerintahkan agar kamu tidak menyembah selain Dia. Itulah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Ayat ini menjelaskan bahawa apa yang disembah selain Allah hanyalah nama-nama yang diberikan oleh mereka dan bapa-bapa mereka. Ini menunjukkan bahawa penyembah berhala tidak menyembah lafaz atau perkataan tetapi zat yang dinamakan (al-Juwaynī, 1950).

Jika dikatakan bahawa Allah mempunyai sembilan puluh sembilan nama dan nama merupakan diri zat pasti terdapat banyak Tuhan. Selain itu, terdapat nama-nama yang menunjukkan kepada perbuatan Allah yang mempunyai kepelbagaian. Justeru, nama yang menunjukkan kepada perbuatan dan sifat diri (*nafsiyyah*) yang *qadīm* tidak dikira sebagai berbilang (al-Juwaynī, 1950).

Dalil naqli yang menunjukkan nama Allah yang pelbagai dan menunjukkan kepada zat yang satu adalah firman Allah (7, 180):

Dan bagi Allah lah nama-nama yang terbaik, maka berdoalah kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu, dan tinggalkanlah orang-orang yang menyimpang dalam menyebut nama-nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan terhadap apa yang telah mereka kerjakan.

Selain itu, agama yang benar tidak bertentangan dengan akal dan ia tidak boleh diukur dengan pandangan setempat. Pada pandangan Pluralisme, geografi merupakan faktor yang menjadikan semua agama adalah sama. Kelahiran seseorang pada tempat tertentu merupakan garis panduan seseorang menganut agama setempat. Kenyataan ini dapat difahami ia berkaitan dengan taklid iaitu akidah dan agama dipengaruhi faktor setempat. Justeru agama dan pegangan akidah mengikuti masyarakat persekitaran tanpa melalui proses berfikir dan penilaian.

Muṣṭafā Ibrāhīm (t.th.) menyatakan bahawa taklid bermaksud mengikuti seseorang tanpa berfikir. Manakala al-Jurjānī (t.th) menjelaskan taklid bermaksud seseorang mengikuti pandangan orang lain tanpa melalui hujah dan dalil. Para *mutakallimun* menghukumkan dalil akal sebagai metode dalam mengesahkan permasalahan akidah. Berfikir dan pendalilan merupakan kewajiban seseorang individu serta tidak memadai dengan hanya bertaklid (al-Shāfiʿī, 1991). Berdasarkan hukum syarak seseorang mukalaf wajib mengenal Allah secara yakin seperti mana apa yang telah diwajibkan oleh Allah dalam firman-Nya (47, 19):

Maka ketahuilah, sesungguhnya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah, dan mohonlah ampunan untuk dosamu dan bagi orang-orang mukmin, lelaki dan perempuan. Dan Allah mengetahui tempat kamu bergerak dan tempat kamu tinggal.

Pengetahuan berkaitan dengan Allah adalah dalam keadaan yakin *jāzim* yang selari dengan dengan realiti melalui dalil (Mastū & al-Khin, 2006). Setiap manusia yang berakal mesti menggunakan keupayaan akal untuk mengenal Allah melalui *naẓar*. Ia merupakan perantaraan untuk menyampaikan pengetahuan mengenai Allah. Di samping dibantu oleh dalil naqli dan ia diwajibkan kepada semua manusia sama ada menetap di bandar, kampung dan gurun (Mastū & al-Khin, 2006).

Menurut pandangan jumhur *mutakallimun*, setiap mukalaf diwajibkan untuk melepaskan diri daripada taklid semata-mata dalam memegang sesuatu pegangan akidah. Ini kerana, akidah seseorang tidak sah sekiranya ia berasaskan kepada taklid yang bersifat jahil dan sekadar ikutan tanpa disertai dengan dalil yang jelas. Taklid sebegini terdedah kepada unsur *zhan* (sangkaan), *syak* (keraguan), *waham* (dugaan lemah), dan kejahilan. Pegangan seperti ini bukan sahaja tidak sahih, bahkan ia menunjukkan seolah-olah seseorang itu tidak benar-benar beriman kepada Allah dengan kefahaman yang jelas dan mantap.

Faktor geografi tidak boleh dijadikan sebagai sumber untuk seseorang beriktikad dan beriman kepada Allah. Menurut al-Attas pencarian manusia terhadap kehidupan beragama adalah kembali kepada fitrah iaitu beribadah kepada Allah yang dikenali sebagai kebebasan sejati manusia. Selaras dengan perkataan dalam perbahasan ikhtiar yang menunjukkan kepada kata akar *khair* bermaksud baik. Justeru pemilihan yang baik adalah ikhtiar manakala pemilihan yang bertentangan dikatakan sebagai ketidakadilan (Mohd Nor, 2014).

Kesimpulannya, pandangan Pluralisme agama menyatakan semua agama adalah benar dan menolak kebenaran mutlak berdasarkan beberapa sebab-sebab tertentu adalah tertolak. Islam menegaskan bahawa kebenaran agama adalah berasaskan kepada wahyu dan akal yang tidak berlaku bertentangan di antara satu sama lain bahkan ia menguatkan kedua-duanya. Agama yang benar datang daripada Allah dan didukung oleh mukjizat yang menyalahi kebiasaan tabiat alam. Begitu juga wahyu menjelaskan nama-nama Allah yang banyak tetapi menunjukkan kepada zat yang satu. Akal menilai kebenaran agama tidak dapat dipengaruhi faktor geografi setempat.

RESPONS ISLAM TERHADAP TANTANGAN NEGATIF AGAMA

Kewujudan agama dalam Islam berasaskan kepada keimanan yang teguh terhadap Tuhan serta kepastian dalam konsep akidah. Namun, metode dekonstruksi pasca modenisme yang berasaskan relativisme dan skeptisisme telah meruntuhkan keyakinan terhadap Tuhan, sehingga membawa kepada penolakan agama. Dalam kerangka pemikiran ini, muncul konsep teologi

negatif yang bercanggah dengan prinsip akal dan bersifat *tanāquḍ* (kontradiktif). Ini kerana mereka dalam satu masa menafikan dan mengisbatkan makna agama secara serentak. Sedangkan menurut prinsip akal, sesuatu tidak boleh dalam keadaan dinafikan dan disabitkan pada waktu yang sama kerana itu adalah *tanāquḍ* yang mustahil diterima akal.

i. Kewajipan Manusia Beriman kepada Allah Tetapi Bukan Mengetahui Hakikatnya

Perkataan wujud dan maknanya menjadi teras kepada perbincangan ketuhanan. Perkataan wujud difahami dengan maksud sesuatu ada dan berlawanan kepada ketiadaan. Sarjana Islam di kalangan Al-Ashā'irah menjelaskan bahawa kewujudan merupakan diri zat atau disebut *'ain al-wujūd*. Pandangan ini ditetapkan kerana tidak disebutkan kewujudan melainkan ia menunjukkan kepada semata-mata zat (Abd al-Ghani & Umar Yusuf, 1952). Pemilihan pandangan dekonstruksi pasca modenisme Derrida meruntuhkan makna kewujudan Allah dan menjadikan maknanya dalam bentuk kebarangkalian untuk disandarkan kepada-Nya kerana perkataan itu sentiasa berubah.

Walau perkataan kewujudan disandarkan kepada Allah tetapi tidak membincangkan persoalan ini secara detail. Ketidadaan perbincangan secara detail berlaku kerana akal manusia sangat lemah dan tidak mungkin berupaya untuk mengetahui hakikat zat Allah Taala (Mubarak, 1982). Perkara ini menjadi satu hukum kepada setiap individu mukmin bahawa larangan berfikir untuk mengetahui hakikat Allah. Larangan ini bukan untuk mengikat kebebasan berfikir bahkan memelihara daripada berjihad dalam skop yang ketidakmampuan akal memahaminya. Begitu juga untuk mengelak daripada dibelenggu oleh penyelewengan (al-Kaylānī & Tatān, 1999).

Al-Shāfi'ī (1998) menyatakan bahawa hakikat zat Allah tidak mampu diketahui oleh akal kerana sifat akal adalah terbatas manakala zat Allah tidak terbatas. Zat Allah berbeza dengan apa-apa pun zat makhluk, walaupun diketahui mengenai sifat Allah. Ia tidak membawa kepada mensyirikkan Allah kerana memerlukan mengisbatkan sifat *wahdaniyah* kepada Allah. Ini merupakan metode untuk mengetahui sifat *wajib wujud* Allah adalah dengan mengetahui perkara mungkin yang tidak disandarkan kepada zat-Nya.

ii. Sifat Allah dalam Bentuk Penyataan Negatif (*sifat salbiyyah*).

Metode Islam menetapkan sifat penafian kepada Allah tetapi mempunyai perbezaan dengan dekontruksi Derrida. Ini kerana beliau membongkarkan makna sifat pada Tuhan kerana untuk mengelak daripada menjelaskan sesuatu yang berbeza dengan diri dan hak-Nya. Namun dalam Islam sifat penafian kepada Allah adalah untuk membersihkan (tahzīh) Allah daripada menyerupai dengan makhluk (al-Bājūrī, 2002).

Terdapat lima sifat penting dalam bentuk penafian (salbiyyah) yang ditetapkan bagi Allah. Walaupun ulama Islam menyatakan terdapat banyak sifat yang dinafikan tetapi memadai mengetahui lima sifat ini (al-Būṭī, 2006):

- a. *Wahdāniyyah*: Menafikan segala bilangan pada zat, sifat dan Perbuatan Allah.
- b. *Qidām*: Menafikan ada permulaan bagi Allah.
- c. *Baqā'*: Menafikan zat Allah menerima ketiadaan.
- d. *Qiyām bi nafsih*: Menafikan Allah memerlukan kepada pencipta dan tempat.
- e. *Mukhālaf lil ḥawādīth*: Menafikan Allah mempunyai persamaa dengan makhluk dari sudut zat, sifat dan perbuatan.

Justeru kelima-lima sifat ini menunjukkan dan memberi pengertian dalam bentuk penafian bahawa Allah tidak sama dengan makhluk. Manakala dekontruksi menafikan segala makna tetapi tidak mempunyai kerangka yang jelas dalam memahami sifat Tuhan.

iii. Allah Bersifat dengan Kesempurnaan (sifat *ma'ānī*)

Perbincangan ini menolak pandangan dekonstruksi yang menafikan makna pada Tuhan. Islam menetapkan sifat-sifat yang sempurna bagi Allah yang dinamakan sebagai sifat *ma'ānī*. Sifat yang

wujud pada zat Allah dan memberi pengertian Allah Maha Sempurna (al-Bājūrī, 2002). Al-Būṭī (2006) menyatakan bahawa sifat kesempurnaan Allah adalah amat banyak namun memadai dihipunkan tujuh sifat yang utama:

- a. *Qudrat*: Sifat ini meunjukkan kepada sifat kuasa Allah. Ia difahami dengan kewujudannya pada zat Allah bersifat dengan azali. Sifat ini berperanan sebagai mengadakan dan meniadakan makhluk.
- b. *Irādah*: Maksudnya adalah sifat kehendak dan penetapan Allah. Kefahaman terhadap sifat ini adalah ia wujud pada Allah bersifat yang *qadīm*. Sifat ini berperanan sebagai menetapkan dan mengkhususkan terhadap penciptaan makhluk.
- c. *‘Ilm*: Pengertian sifat ini adalah sifat ilmu Allah. Sifat ini adalah sifat yang *qadīm* ada pada zat Allah dan peranannya sebagai mengetahui segala perkara sama ada wajib wujud, mungkin wujud dan mustahil wujud.
- d. *Hayāt*: Makna sifat ini adalah sifat hidup Allah. Perbincangan sifat ini adalah ia ada pada zat Allah dan ia mengabsahkan segala sifat yang wajib bagi Allah.
- e. *Kalām*: Tafsiran sifat ini adalah sifat berkata-kata Allah. Sifat ini ada pada zat Allah yang berperanan sebagai memberi arahan, larangan dan pengkhabaran kepada para rasul.
- f. *Sama’*: Bermaksud sifat mendengar Allah dan mempunyai peranan sebagai mendengar semua perkara yang wujud.
- g. *Baṣar*: Beerti sifat melihat Allah yang mempunyai peranan sebagai melihat segala yang wujud.

Justeru sifat-sifat ini ada dan ditetapkan pada Allah sebagai sifat utama dalam menjelaskan kesempurnaan Allah. Tidak diketahui hakikatnya tetapi berbeza dengan segala sifat-sifat makhluk. Kerangka ini menolak metode dekonstruksi pasca modenisme yang hanya menetapkan pernyataan negatif kepada Tuhan.

KESIMPULAN

Kajian ini menjelaskan mengenai pluralisme agama dan teologi negatif dalam pemikiran falsafah Barat kini yang membawa cabaran besar terhadap kebenaran mutlak dalam agama. Pluralisme menetapkan agama pada dataran yang sama dan tiada keistimewaan. Manakala teologi negatif meruntuhkan makna ketuhanan dengan pendekatan dekonstruksi yang menolak makna tetap dan rasional. Kedua-dua ideologi ini berakar daripada Relativisme dan Skeptisisme yang menolak autoriti wahyu dan akal dalam menentukan kebenaran.

Sebagai respons, Islam menawarkan kerangka yang kukuh berasaskan perpaduan antara wahyu dan akal. Kebenaran agama dalam Islam berteraskan keimanan kukuh yang diperkuatkan dengan dalil rasional sebagai pembuktian keabsahan kebenaran agama. Islam menolak pluralisme agama yang menyamakan semua agama dengan menegaskan bahawa kebenaran hanya milik agama yang diturunkan oleh Allah bukan melalui pandangan manusia semata-mata.

Selain itu, Islam juga memberikan pendekatan yang sistematik dalam memahami sifat dan zat Allah melalui konsep sifat *salbiyyah* dan *ma‘ānī* yang menolak sebarang penyamaan Tuhan dengan makhluk. Akidah Islam menolak pendekatan dekonstruktif terhadap makna Tuhan kerana ia membawa kepada penafian mutlak yang bertentangan dengan prinsip akal. Oleh itu, Islam bukan sahaja mempertahankan kebenaran agama yang bersifat mutlak, tetapi juga menawarkan asas rasional yang seimbang dalam menjawab cabaran falsafah kini.

RUJUKAN

- Abdul Ghani, & Umar Yusuf. (1952). *Risalah al-Tawhid*. Johor Baharu: Al-Ahmadiyyah Press Sdn. Bhd.
- Armstrong, Karen. (2009). *The Case for God*. New York: Alfred A. Knopf.
- Audi, Robert. (1999). *The Cambridge Dictionary of Philosophy*. New York: Cambridge University Press.
- Al-Bājūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad. (2002). *Fath al-Majīd fī Bayān Tuḥfah al-Murīd 'Alā Jawharah al-Tawḥīd*. Dimashq: Maktabah Dār al-Bayrūtī.
- Bunnin, Nicholas, & Yu, Jiyuan. (2004). *The Blackwell Dictionary of Western Philosophy*. Malden, MA: Blackwell Publishing.
- Byrne, Peter. (1995). *Prolegomena to Religious Pluralism*. London: Macmillan Press Ltd.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān. (2006). *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Derrida, Jacques. (2005). *Writing and Difference*. (Trans. Alan Bass). London: Routledge.
- Derrida, Jacques. (1997). *Of Grammatology*. (Trans. Gayatri Chakravorty Spivak). Baltimore: The Johns Hopkins University Press.
- Derrida, Jacques. (1981). *Dissemination*. (Trans. Barbara Johnson). London: The Athlone Press.
- Dewick, E. C. (1953). *The Christian Attitude to Other Religions*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Eliade, Mircea. (1959). *The Sacred and the Profane: The Nature of Religion*. New York: Harvest Books.
- Fūdah, Sa'īd 'Abd al-Laṭīf. (2023). *Buḥūth fī 'Ilm al-Kalām, Juzuk 2*. 'Ammān: Al-Aṣīlayn li al-Dirāsāt wa al-Nashr.
- Fūdah, Sa'īd 'Abd al-Laṭīf. (2022). *Al-Mūjiz fī al-Taḥaddiyāt bayna 'Ilm al-Kalām wa al-Falsafah*. 'Ammān: Al-Aṣīlayn li al-Dirāsāt wa al-Nashr.
- Feuerbach, Ludwig. (t.th.). *The Essence of Christianity*. (Trans. Marian Evans). London: John Chapman.
- Van Geest, Paul. (2011). *The Incomprehensibility of God: Augustine as Negative Theologian*. Leuven: Peeters.
- Hick, John. (1985). *Problems of Religious Pluralism*. Houndmills, Basingstoke: The Macmillan Press Ltd.
- Hick, John. (1989). *An Interpretation of Religion: Human Responses to the Transcendent*. London: Macmillan Press Ltd.
- Hick, John Harwood. (1990). *Philosophy of Religion*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Hick, John Harwood. (1988). *God and the Universe of Faiths*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Al-Jurjānī, 'Alī bin Muḥammad al-Sayyid al-Sharīf. (t.th.). *Mu'jam al-Ta'rīfāt*. Al-Qāhirah: Dār al-Faḍīlah.
- Al-Juwaynī, 'Abd al-Mālik. (1950). *Al-Irsyād ilā Qawāṭi' al-Adillah fī Usūl al-I'tiqād*. Tahqīq: Muḥammad Yūsuf Mūsā & 'Alī 'Abd al-Mun'im 'Abd al-Ḥamīd. Miṣr: Maktabah al-Khānījī.
- Al-Kaylānī, Muḥammad Adīb, & Tatān, 'Abd al-Karīm. (1999). *'Awn al-Murīd li Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd fī 'Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Dimashq: Dār al-Bashā'ir.
- Al-Khin, Muṣṭafā Sa'īd, & Maṣṭū, Muḥyī al-Dīn Dīb. (2006). *Al-'Aqīdah al-Islāmiyyah*. Dimashq: Dār al-Kalām al-Ṭayyib.
- Knitter, Paul F. (1985). *No Other Name?* London: SCM Press Ltd.

- Al-Makāwī, Muḥammad Saʿīd. (2020). *Mā Baʿda al-Ḥadāthah Taḥtāj Diyār al-Islām*. T.tp.: T.pt.
- Al-Maydanī, ʿAbd al-Raḥmān Ḥasan al-Ḥabannakah. (2009). *Al-ʿAqīdah al-Islāmiyyah wa Asāsuhā*. Dimashq: Dār al-Qalam.
- Mubārak Ḥasan Ḥusayn Ismāʿīl. (1982). *ʿIlm al-Tawḥīd fī Ḍawʿ al-ʿAql wa al-Naql*. Syubrā: Maṭbaʿah al-Amānah.
- Muḥammad ʿUthmān El-Muhammady. (2012). *Falsafah Agama John Hick: Pengamatan dari Perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jamāʿah*. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- Mustafā Ibrāhīm. (t.th.). *Al-Muʿjam al-Waṣīf*. T.tp.: Dār al-Fikr.
- Mohd Nasir. (2019). *Sekularisasi: Dari Kematian Tuhan ke Kematian Insan*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Madjid, Nurcholish. (2008). *Islam Doktrin dan Peradaban*. Jakarta: Paramadina.
- Al-Shāfiʿī, Ḥasan. (1991). *Al-Madkhal Ilā Dirāsah al-ʿIlm al-Kalām*. Al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Al-Shāfiʿī, Ḥasan. (1998). *Al-Amīdī wa Arāʾuh al-Kalāmiyyah*. Al-Qāhirah: Dār al-Salām.
- Shakespeare, Steven. (2009). *Derrida and Theology*. London: T&T Clark.
- Smith, Wilfred Smith, Wilfred Cantwell. (1978). *The Meaning and End of Religion*. London: SPCK.
- Smith, Wilfred Cantwell. (1989). *Towards a World Theology*. London: Macmillan Press Ltd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2014). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Wazār, Muḥammad ʿAbd Allāh. (t.th.). *Al-Dīn: al-Buḥūth Mumahhadah li Dirāsah Tārīkh al-Adyān*. Kuwait: Dār al-Qalam.